

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,  
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan,  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

**PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 1989**

**PINDAAN KE ATAS PERATURAN PEROLEHAN KOMPUTER MIKRO  
DI DALAM PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 1985**

---

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk membuat pindaan kepada Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1985 bertarikh 10 Januari 1985 untuk memansuhkan peraturan sekarang yang memerlukan Agensi-agensi Kerajaan mendapatkan kelulusan JPDN (Jawatankuasa Pemprosesan Data Negara) dahulu sebelum membeli komputer mikro.

**PINDAAN**

2. Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa permohonan untuk pembelian komputer mikro seperti yang disebutkan di para 4.1.(e) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1985 serta pembelian peralatan dan perisian yang digunakan bersama dengan komputer mikro tidak lagi perlu dikemukakan untuk kelulusan JPDN.

**TAKRIFAN**

3. Untuk maksud pekeliling ini sesebuah komputer ditakrifkan sebagai komputer mikro atau 'Personal Computer' (PC) jika ianya mempunyai ciri-ciri berikut:-


- (a) Komputer yang menggunakan pemproses mikro (microprocessor) sebagai unit pemprosesan utama;
- (b) Komputer mikro atau 'PC' itu digunakan secara bersendirian (stand alone) dan tidak dihubungkan dengan komputer mikro yang lain, komputer mini atau komputer kerangka utama; dan
- (c) Penggunaan adalah terhadap kepada suasana persendirian ('single user') sahaja.

4. Dalam takrifan ini, ianya juga meliputi peralatan input/output dan perisian yang digunakan bersama dengan komputer mikro.

**KUATKUASA**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 2 Ogos 1989.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '  
' CINTAILAH BAHASA KITA '



( TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED )  
Ketua Setiausaha Negara.

JABATAN PERDANA MENTERI,  
KUALA LUMPUR.

6 SEPTEMBER 1989.